

Hari ini, kami meraikan *International Day for Universal Access to Information 2023 (IDUAI)* menerusi meja bulat IDUAI 2023. Acara ini dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri (BHEUU), Pusat Kewartawanan Bebas (CIJ), dan ARTICLE 19, dan membincangkan tema global untuk IDUAI tahun ini, "Kepentingan Ruang Atas Talian Bagi Akses Kepada Maklumat."

Sesi ucapan pembukaan disampaikan oleh Wathshlah Naidu, Pengarah Eksekutif CIJ; Nalini Elumalai, Pegawai Program Senior ARTICLE 19; dan YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud, Ketua Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri Malaysia memberikan ucapan aluan.

Ucapan ini membicarakan tentang kepentingan hak akses kepada maklumat di Malaysia dalam ekosistem maklumat semasa. Dato' Sri Khairul Dzaimie juga menegaskan komitmen kerajaan untuk melaksanakan Akta Hak Maklumat dan meminda semua undang-undang berkaitan termasuk Akta Rahsia Rasmi (OSA) mengikut keperluan.

Sesi pembukaan diikuti oleh sesi pertama, "Dimanakah kita?". Nalini Elumalai pada sesi ini merupakan moderator. Sesi ini melibatkan Dr Punitha Silivarajoo dari BHEUU, Dr Noor Hasliza binti Mohd Hassan dari MAMPU, Adzrol Hisham bin Mohamad dari CGSO, dan Lee Shook Fong dari CIJ, membincangkan keadaan semasa ekosistem maklumat Malaysia dan perkembangan untuk meningkatkannya yang sedang berlaku di dalam kerajaan.

Salah satu perkara yang ditekankan ialah cabaran perkongsian data dalam kalangan agensi kerajaan dan agensi awam dengan wakil-wakil dari MAMPU dan BHEUU menyentuh tentang kerisauan berkongsi data untuk melindungi maklumat di kalangan kumpulan agensi tersebut. MAMPU khususnya sedang memulakan inisiatif untuk mengadaptasi undang-undang Omnibus agar agensi kerajaan turut serta dalam Portal Data Terbuka mereka dan mula berkongsi data dengan orang ramai.

Satu perkembangan penting yang dibincangkan ialah pindaan kepada Akta Rahsia Rasmi (OSA) dan pelaksanaan Akta Hak Maklumat. Dr Punitha menyebut bahawa rancangan undang-undang Hak Maklumat dijangka akan dibentangkan pada Oktober 2024. Adzrol Hisham menekankan pindaan kepada OSA untuk memastikan selaras dengan Akta Kebebasan Maklumat sambil memastikan keupayaan untuk melindungi dokumen kerajaan yang sensitif.

Adzrol Hisham juga menekankan bahawa pindaan yang dicadangkan boleh merangkumi keperluan deklasifikasi. Terakhir, Lee Shook Fong dari CIJ juga merangkumkan ekosistem maklumat di Malaysia dan bagaimana ia berisiko mengenai pelanggaran keselamatan data, menegaskan prinsip-prinsip asas undang-undang Hak Maklumat, termasuk keperluan pendedahan proaktif dan badan pengawasan bebas untuk memastikan pelaksanaannya yang berkesan.

Sesi seterusnya, "Memperkukuhkan Hak Digital di Malaysia" membincangkan bagaimana syarikat korporat dan organisasi lain dapat meningkatkan hak digital di kalangan kumpulan masing-masing serta bagaimana mereka melakukannya pada masa kini. Khairil Yusof selaku moderator merupakan Co-Founder Sinar Projek, sesi ini melibatkan Hashimah Hashim dari MCMC, Profesor Madya Gayathry Venkiteswaran Universiti Nottingham Malaysia, Muhd Dawud Saifullah dari MAXIS, dan Dr Muhammad Sufyan Basri dari Jabatan Perlindungan Data Peribadi (PDP).

Profesor Madya Gayathry memulakan perbincangan dengan merangkumkan keadaan hak digital di Malaysia khususnya di kalangan pemilik platform digital dan syarikat korporat. Dalam penelitiannya, yang dimulakan bersama CIJ dan KRYSS Network,

beliau mendapati bahawa kebanyakan syarikat gagal untuk memaklumkan pengguna mengenai perubahan dasar serta bagaimana syarikat antarabangsa cenderung lebih baik dalam mengekalkan hak digital berbanding syarikat tempatan.

Walaupun bagaimanapun, beliau masih menyatakan keperluan untuk semua syarikat untuk "meningkatkan prestasi mereka untuk menjadi lebih telus." Wakil-wakil dari MCMC dan Jabatan PDP juga berkongsi mandat dan ruang lingkup mereka dalam menangani hak digital. Sementara MCMC menyebut bagaimana mereka menggunakan Akta Komunikasi dan Multimedia (CMA) untuk melindungi kanak-kanak, Jabatan PDP menyenaraikan 7 prinsip yang memandu tindakan organisasi mereka dalam privasi data serta pindaan yang dicadangkan kepada PDPA.

Muhd Dawud dari MAXIS mempamerkan pandangan industri mengenai keselamatan data. Beliau menyatakan bahawa walaupun mereka mempunyai akses kepada data pelanggan, mereka tidak dapat melihat kandungannya disebabkan oleh kekurangan kemampuan teknikal. Beliau juga menambah bahawa MAXIS sentiasa memperkukuhkan perlindungan data dan meningkatkan akses kepada maklumat di kawasan-kawasan yang kurang infrastruktur.

Sesi terakhir, "Membayangkan Semula Ekosistem Maklumat Yang Memudahkan Akses Lebih Baik ke Maklumat Dalam Talian," . Wathshlah Naidu adalah moderator sesi kali ini. Perbincangan ini mengenai bagaimana memperbaiki ekosistem maklumat secara keseluruhan dan melibatkan pakar-pakar dari pelbagai industri iaitu Thevesh Thevanathan, Ketua Saintis Data data.gov.my; Karen Cheah, Presiden Majlis Peguam; dan Tan Lee Chin, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan (Strategi Kumpulan dan Kandungan) Media Chinese International Limited Malaysia.

Thevesh Thevanathan menegaskan bahawa Akta Kebebasan Maklumat adalah tidak mencukupi dalam berkongsi data dengan orang ramai disebabkan keperluan untuk membuat permintaan kepada kerajaan. Sebaliknya, beliau menyatakan bahawa bersama dengan Akta Kebebasan Maklumat, kerajaan perlu memastikan pendedahan proaktif data dan penerbit data automatik juga.

Karen Cheah juga menjelaskan keperluan bagi kerajaan untuk menjadi telus dan bertanggungjawab, mendesak kerajaan untuk memansuhkan dan meminda undang-undang seperti OSA dan PDPA. Beliau menjelaskan bahawa perlu ada satu Akta Privasi yang merangkumi semua seperti yang terdapat di negara-negara lain. Tan Lee Chin membawa pandangan seorang wartawan dengan menekankan keperluan memberi akses kepada media terhadap maklumat tertentu untuk wartawan penyiasatan.

Salah satu cara yang dikatakannya boleh dilakukan adalah dengan melihat Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 & Akta Pendedahan Rasuah yang mencipta halangan untuk akses kepada maklumat untuk wartawan penyiasatan.

Wathshlah Naidu mengakhiri acara dengan ucapan penutupnya dengan menyeru kepada kecekapan dan akauntabiliti, menuju ke arah memperkasa masyarakat berpengetahuan dalam maklumat. Beliau menekankan bahawa Hak Maklumat hanyalah titik permulaan dan masih banyak yang perlu dilakukan dalam membina ekosistem yang menyokong kerja ini dan memastikan kerajaan tetap akauntabiliti.

Acara berakhir dengan serangkaian perbincangan menarik dan berpengetahuan dari pelbagai pihak berkepentingan dan pakar. Keseluruhannya, meja bulat IDUAL memaparkan usaha pelbagai kumpulan serta cabaran yang masih dihadapi dalam membawa ekosistem maklumat yang kondusif ke Malaysia. Ini menunjukkan keperluan untuk menyelaraskan semua usaha serta komitmen oleh kerajaan Madani dalam mencipta ekosistem maklumat yang kukuh.